KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 FEBRUARI 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

Tiga strategi pacu pertumbuhan ekonomi

Tiga strategi pacu pertumbuhan ekonomi

KUALA LUMPUR - Kerajaan berusaha merencana model ekonomi negara lebih terarah melalui pelaksanaan pelbagai sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, akademis dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) susulan unjuran pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan pada tahun ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, tumpuan akan diberikan kepada tiga perkara utama iaitu mengukuhkan kedudukan fiskal negara melalui peningkatan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan termasuk subsidi yang lebih bersasar, mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu serta melaksanakan reformasi struktur ekonomi.

Di samping itu kata Rafizi, kerajaan memberi tumpuan kepada sektor berpotensi seperti pelancongan dan pertanian.

"Kita juga akan memberi fokus terhadap menambah baik tadbir urus khususnya pelaksanaan projek kerajaan dengan mengkaji dan merangka kembali tahap kecekapan dari segi nilai ekonomi supaya dapat mempercepatkan pelaksanaan, di samping penjimatan kos.

"Penekanan turut diberikan kepada usaha meningkatkan pelaburan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, menangani inflasi dan memastikan pelaksanaan gaji minimum yang akan memberi manfaat kepada golongan pekerja," kata beliau pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-15 di sini, pada Selasa.

Beliau menjawab soalan daripada **Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut)** yang bertanyakan sejauh mana urus setia eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) merencana model ekonomi yang lebih terarah bagi mengurangkan impak kelembapan ekonomi dunia tahun 2023.

Rafizi berkata, pihak kementerian kini sedang dalam proses penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 dan kesemua strategi serta inisiatif yang berkaitan akan diperincikan dalam dokumen itu.